



NEWSLETTER

SEDETIK MENELUSURI INDERA KAYANGAN

Asal nama Negeri Perlis

Nama Negeri Perlis dikatakan berasal daripada perkataan Siam **prow-lowy** yang bererti '**kelapa hanyut**', daripada perkataan dialek Melayu Utara '**perelus**' iaitu 'kaki termasuk ke dalam atau ke celah sesuatu', atau daripada nama **Peran Leh** yang dikatakan seorang peran atau pelawak mahsyur bernama Saleh. Selain itu, nama Perlis turut dikatakan bermula daripada perkataan '**peroleh**' yang bermakna 'mendapat, sempena nama pembesar bergelar Tok Perlis dan dikaitkan dengan '**perlit**' yang bererti batu. Tambahan juga, Perlis juga biasa disebut sebagai **Kayang**. Nama Kayang ini dipendekkan bersempena nama Kota Indera Kayangan yang diasaskan oleh Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Shah I berhampiran Kuala Sungai Perlis. Baginda adalah Sultan Kedah yang kelima belas dan memerintah dari tahun 1661 sehingga 1687.

Sumber : Portal Rasmi Diraja Perlis

821km²
Keluasan

1 Pihak Berkuasa
Tempatan (PBT)



3Parlimen

22Mukim

1Daerah
Pentadbiran


15Dewan
Undangan Negeri
(DUN)

Terletak di utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan wilayah selatan Thailand (Satun dan Songkhla), dengan keluasan hanya **821km²** (negeri terkecil di Malaysia) pentadbiran Negeri Perlis diterajui oleh intitusi Diraja dan dibahagikan kepada 3 Parlimen iaitu, **Kangar, Padang Besar dan Arau** dengan pecahan 15 Dewan Undangan Negeri dan mempunyai 22 Mukim. Selain daripada Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan, Perlis merupakan antara negeri yang mempunyai hanya 1 Daerah Pentadbiran iaitu Perlis.




Evolusi Penduduk Perlis

Pertumbuhan penduduk Negeri Perlis mulai tahun 2010 sehingga tahun 2020 secara purata pada kadar 0.8 peratus setahun. Bilangan anggaran penduduk adalah berdasarkan tahun Banci 2010 dengan mengambil kira faktor kematian, kelahiran dan migrasi. Jumlah sebenar bilangan penduduk Perlis akan ditentukan selepas Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.




Struktur dan Piramid Penduduk Perlis 2020e



Struktur dan Piramid Penduduk 2020e

Struktur dan Piramid Penduduk Perlis pada tahun 2020 dianggarkan adalah jenis perantaraan. Tapak yang lebar menunjukkan kadar kelahiran yang tinggi dan kadar kematian bayi yang rendah. Puncak datar dan lebar menunjukkan jangka hayat penduduk semakin tinggi dan menyebabkan penduduk tua semakin ramai. Cerun cembung menggambarkan penduduk dewasa yang ramai dan kadar kematian yang rendah dan mampu mencapai umur melebihi 60 tahun.

Nisbah Jantina Penduduk Perlis 2020e




Nisbah lelaki bagi setiap 100 orang perempuan di Perlis adalah seramai 99 orang. Ini menunjukkan jumlah perempuan di Perlis adalah melebihi bilangan lelaki di Perlis.



2

Umur Penengah

Umur Penengah bagi penduduk Perlis pada tahun 2020 adalah dianggarkan sekitar **29.1 tahun**, meningkat berbanding anggaran pada tahun 2019 iaitu **28.7 tahun**.




Umur Penengah merupakan takat pembahagian taburan penduduk kepada kumpulan umur yang sama saiznya, di mana separuh daripadanya melebihi umur tersebut dan separuh lagi di bawah takat umur tersebut.

TAHUKAH ANDA 

Warga Tua Perlis dianggarkan **meningkat sebanyak 3.3 peratus** (24 ribu orang) pada tahun **2020** berbanding 9.1 peratus (23.2 ribu orang) tahun 2019.

Warga Tua

Peningkatan Warga Tua disebabkan oleh antara faktor kematian rendah bayi dan kanak-kanak, sistem pemakanan dan penjagaan kesihatan yang baik.



Kelahiran dan Jangkaan Hayat

Kadar Kelahiran Kasar penduduk Perlis bagi **setiap 1,000 penduduk menurun 0.4 orang** pada tahun 2018 berbanding 17.6 pada tahun 2017.



TAHUKAH ANDA 

Jangkaan hayat adalah purata baki umur (tahun) seseorang dijangka dapat hidup pada permulaan umur tertentu dengan andaian kadar kematian umur tertentu adalah sepanjang hayat.

Jangkaan hayat ketika lahir Penduduk Perlis tahun **2020e** adalah **72.3 tahun** iaitu **kurang daripada** jangkaan hayat **peringkat nasional iaitu 74.9 tahun**.



Jangkaan hayat

Jangkaan hayat ketika lahir **lelaki Negeri Perlis mencatatkan rekod terendah** iaitu **69.2 tahun** berbanding negeri-negeri di Malaysia.



Perempuan di Negeri Perlis **pula** mencatatkan **75.7 tahun** jangkaan hayat ketika lahir iaitu **lebih tinggi berbanding perempuan** di Negeri Terengganu (**75.1 tahun**).



Kematian Kasar penduduk Perlis bagi setiap 1,000 penduduk **meningkat pada kadar 0.1** pada tahun 2018 berbanding tahun 2017.


3 Sebab Kematian Utama




Daripada 1,340 sebab kematian yang telah **disahkan secara perubatan pada tahun 2018 di Perlis, Pneumonia** berada di kedudukan teratas (19.5%), diikuti *Ischaemic heart disease* (14.2%) dan *Cerebrovascular diseases* (8.7%).

TAHUKAH ANDA

Pada tahun 2018, kematian penduduk Malaysia direkodkan **172,031 orang** dan **57.5 peratus (98,949 orang)** adalah **LELAKI** melebihi separuh kematian yang direkodkan.



Perumahan



Bilangan Tempat Kediaman di Perlis berdasarkan maklumat **Banci 2010** adalah **sebanyak 60,820 unit kediaman**. Peningkatan bilangan tempat kediaman dijangka akan berlaku pada tahun 2020 selaras dengan pertumbuhan penduduk Perlis.

53,009
buah



Bilangan Isi Rumah (IR) yang direkodkan pada **tahun 2010** (Maklumat Banci 2010) adalah sebanyak **53,009 buah**. Bilangan Isi Rumah Perlis pada **tahun 2020 diunjurkan meningkat sebanyak 16.2 peratus (61.6 ribu)**.

Taburan Penduduk




Bilangan penduduk pada tahun 2010 di mukim Arau mencatatkan rekod tertinggi iaitu 9.9 peratus (22,274 orang), diikuti Kuala Perlis (20,277 orang) dan Ufan Aji (17,906 orang). Manakala mukim **Titi Tinggi** pula **mencatatkan jumlah Tempat Kediaman tertinggi dengan peratusan 8.7 (5,262 buah)**, diikuti Ufan Aji (5,075 buah) dan Kuala Perlis (4,999 buah).



Peratusan Isi Rumah Mengikut jenis Rumah

Rumah Jenis Sesebuah di Perlis tahun 2010 menjadi pilihan kebanyakan Isi Rumah iaitu 63.4 % (33,474 ribu) diikuti jenis rumah Teres, 23.3 % (12,319 ribu) dan 9.8% jenis rumah berkembar (5,188 ribu). Baki 3.5 % Isi Rumah mendiami rumah jenis berkelompok, rumah kedai dan lain-lain.



TAHUKAH ANDA



Kadar Kekosongan Unit Perumahan di peringkat nasional menurun 0.6 peratus pada tahun 2010 (15.0%) berbanding tahun 2000 (15.6%). Namun, Perlis menunjukkan peningkatan kadar kekosongan Unit Perumahan iaitu 3.0 peratus tahun 2010 (4,140 buah).

TAHUKAH ANDA

Tenaga Buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15 – 64 tahun) sama ada bekerja atau menganggur.

112.2
ribu
0.7%



Tenaga Buruh

Jumlah Tenaga Buruh di Perlis pada tahun 2019 adalah 112.2 ribu iaitu 0.7 peratus dari jumlah Tenaga Buruh peringkat nasional.

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) bagi Perlis tahun 2019 adalah 64.7 peratus meningkat 2.0 peratus (62.7%,2018). Manakala KPTB lelaki menurun 0.4% dan KPTB perempuan meningkat 4.3% berbanding tahun 2018.

Kadar Penyertaan
Tenaga Buruh



78.0%
↓ 0.4% (2018, 78.4%)

64.7%



51.4%
↑ 4.3% (2018, 47.1%)

Penduduk bekerja

Penduduk Bekerja

108.5 Ribu ↑ 4.5 ribu
(2018, 104.0 ribu)



Penduduk Bekerja di Perlis direkodkan meningkat sebanyak 4.5 ribu orang pada tahun 2019 iaitu 108.5 ribu berbanding 104.0 ribu orang pada tahun 2018.



TAHUKAH ANDA

Kadar Pengangguran mengukur peratus penduduk yang termasuk dalam tenaga buruh kategori tidak bekerja.

Kadar Pengangguran di Perlis kekal 3.3 peratus pada tahun 2019 berbanding 2018 dengan rekod jumlah peningkatan kecil sebanyak 3.9 ribu orang pada tahun 2019.

Kadar Pengangguran



Kadar 3.3%
Pengangguran
↑ 3.9 ribu
508.2 ribu (2019)
504.3 ribu (2018)

Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2019

PENDAPATAN

Pendapatan Purata dan Penengah Perlis bertumbuh 3.0 peratus setahun bagi tahun 2019 berbanding 5.9 dan 9.2 peratus pada tahun 2016 masing-masing.

Purata RM5,476 [RM4,998(2016)]



Penengah RM4,594 [RM4,204(2016)]

PERBELANJAAN

Perbelanjaan penggunaan Isi Rumah bulanan purata di bandar meningkat **4.6% setahun** pada 2019 berbanding 2016. Manakala luar bandar meningkat pada kadar 2.0% setahun iaitu lebih perlahan pada 2019 berbanding 2016.



Perbelanjaan penggunaan Isi Rumah bulanan purata Perlis meningkat dengan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun 3.9 peratus iaitu RM3,468 (2019) berbanding RM3,085 (2016).


Bandar
4.6% ↑ RM3,601
RM3,133(2016)



Luar Bandar
2.0% ↑ RM3,187
RM3,001(2016)



TAHUKAH

ANDA  **Purata Garis Kemiskinan (PGK)** adalah pendapatan minimum yang diperlukan oleh seseorang isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan setiap ahlinya untuk membolehkan mereka hidup dalam keadaan sihat dan selesa.

PGK bagi setiap Isi Rumah adalah berbeza mengikut lokasi (negeri dan strata), saiz isi rumah dan komposisi demografi.

PGK di Negeri **Perlis** ialah **RM1,967** sebulan manakala purata nilai **PGK makanan** adalah **RM1,133 sebulan** dengan purata saiz isi rumah seramai 3.9 orang.



Kemudahan Kesihatan



Sebanyak **2** buah hospital, **665** pegawai perubatan (kerajaan dan swasta) dan **545** unit katil pesakit tersedia sebagai kemudahan kesihatan di Perlis pada tahun 2020.

Sumber : Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pendidikan



Rendah	Menengah
74	24



28,062	23,700
--------	--------



2,297	2,084
-------	-------

Bilangan sekolah rendah yang terdapat di Perlis pada tahun 2010 adalah sebanyak **74** buah dengan bilangan guru seramai **2,297** orang dan pelajar bersekolah rendah seramai **28,062** orang.

Manakala, sebanyak **27** buah sekolah menengah dengan **2,084** orang guru dan **23,700** orang pelajar bersekolah menengah direkodkan di Perlis pada tahun 2010.

Sumber : Jabatan Pelajaran Negeri Perlis



97.8% (2010)
94.4% (2000)

Kadar literasi Negeri Perlis meningkat sebanyak **3.4** peratus pada tahun 2010 berbanding 94.4 peratus pada tahun 2000.

TAHUKAH

ANDA

Literasi berdasarkan Banci 2010 merujuk kepada penduduk berumur 10 tahun dan lebih yang pernah bersekolah merangkumi kategori masih bersekolah dan tamat persekolahan.